

21 MAR 1997

DR MAHATHIR BERLEPAS KE ARAB SAUDI

KUALA LUMPUR, 21 Mac (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berlepas ke Arab Saudi hari ini untuk menerima Anugerah Antarabangsa Raja Faisal kerana sumbangannya kepada perkembangan Islam.

Dr Mahathir yang diiringi isterinya Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohamad Ali berlepas dari lapangan terbang Sultan Abdul Aziz Shah di Subang pukul 10 pagi.

Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim dan beberapa menteri berada di lapangan terbang untuk mengucapkan selamat jalan.

Dr Mahathir akan menerima sijil, sebuah pingat emas dan wang US\$200,000 (RM495,000) pada majlis penyampaian anugerah itu di Dewan Persidangan Pusat Al-Khozamah di Riyadh esok. -- BERNAMA

RAZ NMO